

9 September 2007 (Ahad)

44 lampu isyarat di JB, PJ rosak

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) gagal mengeluarkan saman bermilai lebih RM2.5 juta kerana 8,367 rakaman gambar menerusi sistem perangkap lampu merah yang dipasang di seluruh negara tidak jelas atau rosak dari Julai hingga Disember 2006.

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan 2006 turut mendedahkan 42 peratus daripada 19,466 rakaman menerusi sistem rakaman perangkap lampu merah di beberapa lokasi bandar utama seluruh negara tidak berfungsi. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata semakan rakaman berkenaan dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya dan IPD Johor Bahru Selatan.

"Hasil semakan menunjukkan rakaman yang dibuat gagal mempamerkan gambar jelas kenderaan yang melakukan kesalahan disebabkan beberapa faktor, antaranya filem rosak, gambar kabur atau nombor pendaftaran kenderaan terlindung. "Akibat kelemahan itu, hanya 11,101 rakaman dibuat pada 2006 dikeluarkan saman," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan audit terhadap sistem rakaman perangkap lampu merah di bandar Petaling Jaya dan Johor Bahru Selatan mendapat tujuh daripada 12 kamera tidak berfungsi, manakala bagi kamera dummi, 32 daripada 36 kamera tidak berfungsi.

"Ia disebabkan tiang pemasangan kamera rakaman terbabit dengan kemalangan, proses pelebaran jalan, penutupan persimpangan dan kerosakan pada kabel pendawaian. "Oleh itu, matlamat Cawangan Trafik PDRM untuk mengesan dan memantau kesalahan pemandu yang melanggar lampu merah tidak tercapai," katanya.

Ambrin berkata, PDRM perlu mengambil tindakan untuk mengatasi pelbagai masalah pada sistem perangkap lampu merah. Sementara itu, katanya, Kementerian Kesihatan perlu mewujudkan garis panduan pengurusan perkhidmatan ambulans yang lengkap dan seragam.

9 September 2007 (Ahad)

Kastam ditegur bazir aplikasi

KUALA LUMPUR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) ditegur kerana merancang untuk membangunkan sistem perkomputeran baru bernilai RM451.3 juta, sedangkan projek terdahulu, Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang bernilai RM290.12 juta tidak dilaksanakan dengan baik.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata berdasarkan penilaian Jabatan Audit Negara, sepatutnya jabatan berkenaan mengkaji dan memastikan penggunaan keseluruhan aplikasi SMK dioptimumkan bagi mengelak pembaziran.

"Kastam tidak sepatutnya melantik perunding untuk membangunkan sistem baru menerusi Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi menggantikan SMK kerana tindakan itu akan menyebabkan orang awam menganggap perbelanjaan dalam pembangunan SMK adalah sia-sia.

"Sepatutnya, kastam menyediakan pelan pemulihan bencana bagi menjamin kesinambungan operasi SMK sebagai persediaan jika berlaku sebarang masalah tidak dijangka dan semakan audit mendapati walaupun 10 modul dalam Aplikasi Perakaunan Hasil dibangunkan, semua modul berkenaan tidak digunakan sepenuhnya," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006.

Kaedah pungutan hasil menggunakan sistem berkomputer atau SMK yang diperkenalkan membolehkan ikrar import dan eksport dihantar secara elektronik melalui rangkaian DagangNet. SMK dibangunkan dalam tiga fasa dan disiapkan antara 1998 hingga 2004. Jumlah cukai yang dikutip kastam melalui cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai perkhidmatan, cukai jualan dan levi bagi tempoh 2002 hingga 2006 mencecah RM111.26 bilion iaitu antara RM20.33 bilion hingga RM25.31 bilion setahun.

Ambrin berkata, ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaan SMK, termasuk menyebabkan 10 kontrak tambahan bernilai RM30.18 juta terpaksa dibuat, sekali gus meningkatkan kos projek berkenaan daripada kadar asal RM259.94 juta. Selain itu, katanya, semua cawangan dan bahagian jabatan itu di peringkat negeri tidak menggunakan modul Bil Tuntutan (Bill Of Demand) walaupun tunggakan hasil kastam berjumlah RM340.27 juta bagi tempoh 2002 hingga 2006, sebaliknya mengemukakan laporan tunggakan hasil secara manual.

Katanya, projek membabitkan tiga fasa dengan empat aplikasi utama iaitu Aplikasi Kastam, Aplikasi Cukai Dalaman, Aplikasi Perakaunan Hasil dan Aplikasi Pencegahan itu juga lewat disiapkan antara 12 bulan hingga 52 bulan bagi setiap fasa.

10 September 2007 (Isnin)

‘Masalah teknikal’

KUALA LUMPUR: Masalah teknikal antara faktor dikenal pasti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berhubung dakwaan kementeriannya memberi dana khas berjumlah RM3.8 juta kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak berkelayakan seperti didedahkan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, baru-baru ini.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata sehubungan itu, beliau akan mengarahkan pegawai kementeriannya memberi laporan terperinci berhubung 12 NGO yang didakwa itu kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh terdekat.

“Saya faham mungkin NGO terbabit terlalu sibuk menguruskan kebajikan persatuan masing-masing sehingga terlupa mengemas kini penyata kewangan mereka. “Kami sebenarnya amat teliti dalam menyalurkan dana kepada NGO. Kementerian menyambut baik teguran Ketua Audit Negara yang banyak menyentuh kepada masalah teknikal,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Batu Asas, Sambutan Ulang Tahun Ke-24 Perumahan Penduduk Sri Pantai dan Sambutan Kemerdekaan Negara Ke-50 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006, berhubung KPWKM menyalurkan dana kepada pertubuhan yang tidak sah.

Semakan audit terhadap permohonan 12 NGO dalam tempoh dua tahun itu mendapati bantuan berjumlah RM3.8 juta sudah diperakukan urusetia, tetapi tidak menerusi mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas (JPBK).

Sementara itu, Shahrizat berkata, pihaknya mengakui ada segelintir NGO yang gagal memberi perhatian untuk mengisi borang khusus bagi mendapatkan bantuan kewangan dan menyedari kebanyakannya teguran yang diberikan laporan audit itu lebih kepada pertubuhan amal.

10 September 2007 (Isnin)

Kementerian kena jawab

PETALING JAYA: Datuk Seri Najib Razak meminta kementerian berkaitan menjawab semua soalan berkaitan salah urus dana awam seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka perlu menjawab untuk menjelaskan perkara itu.

"Kementerian kena jawab," katanya kepada pemberita selepas menyertai pertandingan golf jemputan Business Times 2007 di sini, semalam. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan yang memetik laporan Ketua Audit Negara mengenai kes-kes salah urus dana awam oleh beberapa kementerian.

Antara lain laporan itu menyatakan ada kementerian membayar kos lebih tinggi bagi barang yang kosnya lebih murah. Laporan itu memberi contoh Kementerian Belia dan Sukan yang membayar RM224 bagi satu set pemutar skru yang berharga RM32.

Ia turut menyatakan ketua setiausaha kementerian itu menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta dan RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan.

10 September 2007 (Rabu)

Pembelian dua helikopter PDRM tidak ikut prosedur

KELEMAHAN prosedur yang diguna pakai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam menilai dan membuat keputusan membeli helikopter untuk Unit Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dikesan punca ia tidak dapat digunakan unit itu.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata dua helikopter Mi-171 yang bernilai RM117.5 juta itu gagal didaftarkan sebagai pesawat awam oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) kerana tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan.

"Kesannya PDRM tidak dapat menjalankan tugas mencari dan menyelamat dan bagi mengatasinya kerajaan terpaksa meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM272 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk membeli lapan helikopter pelbagai saiz sebagai ganti.

"Kedua-dua helikopter Mi-171 yang tidak dapat digunakan PDRM kemudian diserahkan untuk kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia namun ia berdepan pelbagai masalah," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006.

Ambrin berkata, antara masalah yang timbul akibat penyerahan helicopter Mi-171 kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat ialah lebihan perbelanjaan kerajaan yang seharusnya dapat menjimatkan dengan jumlah RM4.37 sekiranya Unit Udara Bomba diberi latihan oleh anggota Unit Udara PDRM.

10 September 2007 (Rabu)

`Ambil serius teguran ketua audit'

PEGAWAI kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan wang rakyat mesti mengikuti semua prosedur serta cermat ketika melakukan sebarang urusan pembelian atau meluluskan peruntukan supaya agensi kerajaan tidak dilabel sebagai menyeleweng atau tidak amanah.

Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Mohd Tap Salleh, berkata jika agensi kerajaan dituduh melakukan penyelewengan atau menyalahgunakan kuasa, ia bukan saja menghakis integriti agensi berkenaan tetapi menggugat kepercayaan rakyat.

"Pegawai kerajaan jangan alpa untuk mengikuti semua prosedur, peraturan dan undang-undang jika membelanjakan wang rakyat untuk membuat pembelian atau meluluskan peruntukan yang dipohon supaya tidak ada ruang bagi mana-mana pihak mempertikaikan tindakan yang dibuat," katanya.

"Teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai beberapa kelemahan dalam perbelanjaan wang rakyat, perlu diambil serius dan ditangani segera kementerian berkaitan," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di sini, semalam.

10 September 2007 (Rabu)

Hutang tertunggak Johor paling banyak

HUTANG tertunggak kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat meningkat RM290.86 juta atau 10.9 peratus kepada RM2.96 bilion hingga akhir tahun lalu dengan 90 peratusnya yang gagal dibayar enam negeri.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata daripada jumlah itu 90.5 peratus atau RM2.68 bilion adalah tunggakan pinjaman Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu. Katanya, tahun lalu, hanya RM454.43 juta pinjaman dibayar balik kerajaan negeri berbanding tunggakan dan anuiti RM3.4 bilion yang sepatutnya dibayar balik.

"Tahun lalu juga menunjukkan daripada 1,053 pinjaman yang diberikan kepada kerajaan negeri, 569 atau 54 peratus mempunyai tunggakan antara satu bulan hingga 23 tahun," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006.

Sementara itu, Amrin berkata, Kerajaan Pusat bertanggungjawab menguruskan perolehan pinjaman dari sumber dalam dan luar negara yang disalurkan kepada kerajaan negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, koperasi, syarikat kerajaan. Bukan kerajaan dan agensi lain bagi pelbagai tujuan.

Katanya, seperti yang dilaporkan pada 2005, pinjaman ini tidak dibayar balik mengikut jadual dan menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman yang disalurkan hingga akhir tahun lalu meningkat RM56 juta atau 5.9 peratus menjadi RM10.04 bilion berbanding RM9.48 bilion pada 2005 membabitkan 12 hingga 1,653 ansuran tertunggak.

"Tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman adalah antara satu bulan hingga 32 tahun," katanya yang mencadangkan Perbendaharaan mengambil tindakan lebih tegas mendapatkan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi membolehkan kerajaan menggunakan wang berkenaan untuk pengurusan dan pembangunan lain serta mengelak kerajaan tidak menanggung kerugian.

Dilaporkan Perbendaharaan sudah mengambil beberapa langkah mengatasi masalah tunggakan pinjaman dengan menjadualkan semula pinjaman, menghapus kira tunggakan, menukar pinjaman menjadi geran/ekuiti atau mengurangkan tunggakan pinjaman menerusi potongan daripada geran tahunan.

10 September 2007 (Rabu)

Kementerian tak pantau laporan buku Vot

KAWALAN bajet pengurusan kewangan kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan masih kurang memuaskan kerana pengauditan mendapati terdapat beberapa kementerian berbelanja melebihi peruntukan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata pengauditan ke atas pengurusan kewangan kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan mendapati terdapat kementerian yang membelanjakan kurang 50 peratus daripada peruntukan diluluskan dan ada kementerian tidak membelanjakan peruntukan tambahan yang diluluskan. Malah, katanya ada kementerian tidak membelanjakan peruntukan bagi tujuan tertentu.

"Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku kerana kurangnya kawalan dan pemantauan terhadap penggunaan peruntukan akibat buku Vot tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas, kegagalan pemegang waran peruntukan mengemukakan retan perbelanjaan bulanan yang lengkap kepada pegawai pengawal berkenaan.

"Laporan perbelanjaan bulanan yang dikemukakan oleh Akauntan Negara tidak disahkan dan disesuaikan dengan buku Vot," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006.

Ambrin berkata, selain masalah kawalan terhadap bajet, pengauditan mendapati ada kementerian yang lewat membuat bayaran terhadap bekalan dan perkhidmatan yang diterima mereka. Katanya, mengikut amalan bayaran di bawah arahan Perbendaharaan 58a yang memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan dan perkhidmatan yang diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian mempunyai baki peruntukan mencukupi pada tahun bekalan atau perkhidmatan diterima dan tiada sebarang keraguan mengenai sebab berlakunya kelewatan.

Beliau berkata, semakan audit di 10 kementerian mendapati bayaran berjumlah RM729.49 juta sudah dibuat pada 2006 untuk menjelaskan bayaran bekalan/perkhidmatan yang sudah diterima pada tahun-tahun lalu.

"Antara alasan kelewatan yang diberikan termasuklah bil/tuntutan lewat diterima, peruntukan tahun perolehan/perkhidmatan diterima tidak mencukupi dan kontrak lewat ditandatangani," katanya.

Beliau berkata, kelewatan pembayaran perlu diatasi kerana ia akan menjaskan imej kerajaan. Justeru, katanya pegawai pengawal hendaklah memastikan bil dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelak gejala pembayaran di bawah arahan Perbendaharaan (AP) 58a, tidak menunjukkan aliran (trend) yang meningkat.

10 September 2007 (Rabu)

Harga alatan prasekolah tiada justifikasi

JABATAN Pelajaran Negeri perlu mewujudkan jawatan pegawai teknikal bagi memantau penyenggaraan dan pembinaan kelas prasekolah selepas gagal memberi justifikasi kenaikan harga enam jenis peralatan permainan luar kelas untuk dibekalkan ke 35 prasekolah.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata semakan terhadap Sijil Akuan Penerimaan (SAP) bagi alat permainan luar kelas prasekolah mendapati harganya melebihi anggaran kos pada peringkat awal antara 1.7 hingga 240 peratus.

Beliau berkata, harga mengikut SAP bagi peralatan permainan gelongsor untuk dibekalkan ke enam prasekolah meningkat antara 140 hingga 240 peratus kepada RM7,220 hingga RM10,200 seunit berbanding harga awal RM3,000 seunit.

Selain itu, katanya, harga SAP bagi buaian membabitkan 21 prasekolah meningkat hingga 58.7 peratus kepada RM2,380 seunit berbanding RM1,500 seunit manakala harga seunit papan imbangan naik 130.4 peratus daripada RM800 seunit kepada RM1,843 seunit.

"Bagaimanapun, pihak jabatan pelajaran negeri tidak dapat memberi justifikasi mengenai harga peralatan permainan luar kelas prasekolah. "Jawatan pegawai teknikal perlu diwujudkan pada peringkat negeri dan daerah untuk memantau penyenggaraan dan pembinaan prasekolah," katanya.

"Secara keseluruhannya, pihak kementerian mempunyai perancangan baik mengenai Program Peluasan Pendidikan Prasekolah tetapi masih terdapat kelemahan daripada segi pelaksanaan bagi sesetengah projek berkenaan," katanya.

10 September 2007 (Rabu)

Bantuan tidak sah RM3.8 juta

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memberi penjelasan kepada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berhubung laporan audit bahawa 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerima bantuan khas berjumlah RM3.8 juta secara tidak sah.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Jalil mengaku terdapat segelintir NGO yang gagal memberi perhatian mengisi borang khusus bagi mendapatkan bantuan kewangan dan menyedari kebanyakannya teguran yang dinyatakan dalam laporan audit itu lebih kepada pertubuhan amal.

Shahrizat yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas (JPBK) berkata, teguran laporan itu lebih menjurus kepada aspek teknikal dan pihaknya akan memberi penjelasan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh terdekat.

"Kami menerima teguran dalam semua aspek. Saya sedar kebanyakannya mereka (NGO) lebih sibuk meluangkan masa bersama orang yang memerlukan berbanding dokumen perlu dilihat. "Sekiranya mahu mendapatkan bantuan kewangan, mereka (NGO) perlu mengikut garis panduan yang disediakan dan untuk itu kami akan lebih peka apabila melakukan sebarang urusan," katanya selepas Majlis Pelancaran Batu Asas, Sambutan Ulang Tahun Ke-24 Perumahan Penduduk Sri Pantai dan Sambutan Kemerdekaan Negara Ke-50 di sini, semalam.

Shahrizat berkata, beliau memerlukan sedikit masa untuk mendapatkan penjelasan berhubung isu penyaluran bantuan secara tidak sah daripada pegawai terlebih dulu. "Saya mahu menyatakan bahawa kami amat berhati-hati dengan penyaluran wang. Memang ada NGO yang mempunyai wang dalam akaun masing-masing tapi ini tidak bermakna kita tidak boleh membantu kerana mereka ini menganjurkan banyak program," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara 2006 mendedahkan 12 NGO dikesan menerima bantuan khas berjumlah RM3.8 juta hanya menerusi edaran memo Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ambrin berkata, mengikut garis panduan, permohonan bantuan khas perlu diproses dan diperakukan dua Mesyuarat Urusetia JPBK, masing-masing yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha 1 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta menteri berkenaan iaitu Shahrizat.

Beliau berkata, bagaimanapun pihak urusetia gagal mematuhi garis panduan berkenaan menyebabkan kelulusan bantuan khas antara 2004 hingga Mac 2006 itu hanya dibuat melalui edaran memo. "Semakan audit terhadap permohonan 12 NGO dalam tempoh dua tahun itu mendapati bantuan berjumlah RM3.8 juta sudah diperakukan urusetia, tetapi tidak menerusi mesyuarat JPBK .

"Bagaimanapun, amalan yang menyalahi prosedur itu disedari pada April 2006, arahan dikeluarkan supaya kelulusan permohonan bantuan khas hendaklah dibuat melalui mesyuarat JPBK sebelum diluluskan KSU kementerian," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan 2006.

Bagaimanapun, Ambrin berkata, semakan Audit mendapati 26 permohonan bantuan khas berjumlah lebih RM800,000 diluluskan Ketua Setiausaha kementerian itu berdasarkan perakuan JPBK dibuat secara edaran memo.

Antara NGO yang menerima bantuan khas dengan menyalahi prosedur ditetapkan ialah Rumah Amal Cheshire, Selangor; Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita; Persatuan Kebajikan Wanita Melayu Melaka; Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Bekas Wakil Rakyat Barisan Nasional Kelantan; Yayasan Kajian Pembangunan Masyarakat dan Selangor Yap Si Choong Chi.

10 September 2007 (Rabu)

Kementerian kena jawab

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu semua kementerian berkaitan menjawab teguran Ketua Audit Negara berhubung salah urus dana awam, termasuk dalam pembelian peralatan dan pengurusan kontrak. Timbalan Perdana Menteri turut mengesahkan Ketua Setiausaha kementerian tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan kontrak berdasarkan proses rundingan secara langsung. "Rundingan langsung tak ada (kuasa). Ia sama ada melalui tender atau keputusan Kementerian Kewangan," katanya kepada pemberita selepas menyertai Pertandingan Golf Jemputan Business Times edisi ke-5 di Saujana Golf & Country Club dekat sini, semalam.

Beliau mengulas pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen, Jumaat lalu, berhubung kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan. Antaranya, pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan harga semua barang itu dilaporkan melebihi harga pasaran sehingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta. Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set.

Turut didedahkan ialah mengenai tindakan ketua setia usaha kementerian berkenaan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa menteri dikemukakan ketika pengauditan dijalankan. Mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949, kontrak bernilai lebih RM5 juta perlu ditandatangani sendiri oleh menteri sebagai mewakili kerajaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh menteri berkenaan. Kementerian Kewangan pula ditegur kerana gagal merancang dan melaksanakan dengan baik projek Sistem Maklumat Kastam (SMK) menyebabkan Kastam Diraja Malaysia terpaksa menambah 10 lagi kontrak bernilai RM30.18 juta. Selain itu, pembinaan bangunan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Seremban dilaporkan tidak dirancang dan dilaksanakan dengan teratur oleh Kementerian Penerangan menyebabkan kos projek itu meningkat daripada RM23.47 juta kepada RM38.51 juta.

Sementara itu, Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Mohd Shukri Abdull, berkata pihaknya akan menyiasat sama ada wujud unsur penyelewengan dalam prosedur pembelian peralatan berkenaan. "BPR akan mengkaji laporan itu terlebih dulu untuk mengenal pasti kelemahan tertentu yang memerlukan siasatan kita. Sekiranya kita dapat ia mempunyai asas untuk disiasat, kita akan siasat dan panggil semua yang terbabit. "Bagaimanapun, sekiranya kelemahan yang berlaku itu hanya membabitkan pelanggaran prosedur dan tiada unsur rasuah, maka tindakan selanjutnya adalah tertakluk kepada kementerian atau menteri terbabit," katanya ketika dihubungi Berita Harian. Ditanya bagaimana Ketua Setiausaha KBS dibenarkan menandatangani kontrak melebihi nilai sepatutnya, Mohd Shukri berkata, perkara itu akan turut disiasat. Selain KBS, katanya, BPR juga akan memberi tumpuan kepada kementerian dan jabatan lain yang prosedur tendernya dilaporkan mengalami kelemahan hingga menjelaskan dana awam dan perbelanjaan kerajaan.

11 September 2007 (Khamis)

Syor juruaudit bebas di setiap kementerian

SAYA tertarik dengan laporan Ketua Audit Negara berkaitan pembelian barang melebihi harga pasaran. Kes seumpama ini sudah lama berlaku dan saya pasti semua pegawai yang terbabit tahu hal ini.

Kita ada banyak kementerian dan semua kementerian melakukan perkara sama. Jika dikira, ia sudah tentu membabitkan wang yang banyak. Ke mana perginya? Ini bermakna mereka menyeleweng wang rakyat.

Saya dimaklumkan oleh pembekal bahawa sebahagian besar pegawai yang terbabit berkehendakkan `duit kopit' atau habuan lain, jadi pembekal terpaksa menaikkan harga supaya pembekal dapat melayani kehendak pegawai berkenaan.

Pembekal juga menghadapi risiko berdepan dengan pembayaran lewat menyebabkan pembekal dikenakan faedah daripada pinjaman bank. Hanya dengan cara ini sajalah kerajaan dapat mengurangkannya. Ada satu cara yang saya fikirkan ialah dengan melantik juruaudit bebas.

OTHMAN MUHAMMAD,
Taman Paroi Jaya, Seremban.

11 September 2007 (Khamis)

Salah urus dana awam tak boleh dibiari

LAPORAN akhbar akhir-akhir ini mengejutkan banyak pihak berikutan pembelian aset kerajaan yang meragukan oleh beberapa kementerian dengan harganya tidak munasabah berbanding harga pasaran.

Akhbar ini semalam, misalnya mendedahkan pembelian 13 peralatan dan kelengkapan untuk Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan harga peralatan melebihi paras harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Sebelum tindakan dikenakan ke atas mereka yang menyalahgunakan dana awam tanpa mengira kesannya kepada perbelanjaan kerajaan, eloklah diselidiki apa sebenarnya yang berlaku dan daripada manakah puncanya semua ini berlaku.

Saya adalah kakitangan kerajaan dan berpengalaman dalam menguruskan sebut harga, tender dan pembelian lain berasaskan perkara ini berlaku disebabkan oleh tiga perkara utama seperti berikut:

- * Sesetengah pegawai yang terbabit dengan pembelian aset kerajaan dengan sengaja menaikkan sebut harga kerana ada 'agenda keuntungan' oleh pegawai berkenaan.
- * Pembelian aset ini dibeli tanpa perancangan awal dan ingin menghabiskan bajet pada setiap tahun berakhir.
- * Pembelian luar perancangan berlaku disebabkan perolehan ini dilakukan dengan sengaja atau terpaksa oleh mereka yang tiada kelayakan/bukan bidang untuk menguruskan perolehan berkenaan.

Saya ingin menjelaskan perkara ketiga dengan memberi contoh di tempat kerja saya. Ketua Pengarah mengarahkan seorang pegawai teknologi maklumat (IT) untuk melaksanakan urusan tender IT di mana segala spesifikasi teknikal hanya dibincang antara Ketua Pengarah (bukan IT) bersama syarikat kontraktor.

Saya adalah pegawai IT yang ditugaskan membuat spesifikasi sebut harga pendawaian elektrik. Keadaan sebegini tidak sepatutnya berlaku kerana kesalahan spesifikasi dan anggaran perbelanjaan akan berlaku kerana tugas yang sepatutnya dipikul oleh jurutera elektrikal telah diserahkan kepada pegawai yang bukan bidangnya.

Sememangnya kakitangan kerajaan digesa untuk bertindak secara kompeten tetapi bukan dengan cara sebegini. Disebabkan kes beginilah akan berlakunya kesalahan anggaran perbelanjaan kerajaan dan kakitangan akan ditipu oleh pihak kontraktor.

Kita semua sedar dan agama juga menekankan bahawa pincanglah sesuatu organisasi jika diserahkan kepada orang yang bukan bidangnya. Justeru, saya memohon agar kerajaan terutama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memastikan setiap jawatan yang diluluskan hendaklah jelas dan tepat dengan tugasannya sebuah agensi.

Apa yang berlaku sekarang, sumber manusia bidang IT tidak pernah diambil kira secara serius apabila mewujudkan sesbuah jabatan dan agensi sedangkan IT adalah satu keperluan dan kemestian dan jika ada pun, hanya ditempatkan seorang dua pegawai IT di setiap jabatan.

Apa yang boleh dilakukan oleh hanya seorang pegawai IT sedangkan bidang IT terlalu luas. Semua ini masih belum disedari dalam penstrukturkan perjawatan sektor kerajaan. Begitu juga untuk bidang lain. Sumber manusia yang paling dititikberatkan dalam kerajaan selalunya tertumpu kepada Pegawai Tadbir Diplomatik kerana mereka lah yang mentadbir di hampir semua jabatan dan agensi.

Oleh kerana itulah, maka berlakunya penyalahgunaan atau kesalahan percaturan perbelanjaan wang kerajaan kerana tiada tumpuan kepada sumber manusia yang diperlukan.

Justeru, teguran Ketua Audit Negara amat munasabah dan bertepatan kerana ada juga sesetengah agensi yang mempunyai bahagian pemantauan projek tetapi tidak diketahui projek apa yang dipantau.

Saya mencadangkan supaya audit ditubuhkan untuk tidak hanya mengaudit perbelanjaan kerajaan tetapi juga mengaudit perjawatan sedia ada sama ada perlu dikaji semula perjawatan yang tidak sesuai dan kurang diperlukan.

MATA HATI,
Putrajaya.

11 September 2007 (Khamis)

Polis trafik masih kurang anggota

KUALA LUMPUR: Pasukan Trafik Bukit Aman diminta segera menangani masalah kekurangan pegawai dan anggota bagi memastikan operasi dan tugas penguatkuasaan trafik di seluruh negara dilaksanakan lebih berkesan. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dalam laporannya mendedahkan aktiviti penguatkuasaan trafik dirancang dengan baik, namun ada beberapa kelemahan termasuk kekurangan pegawai dan kakitangan.

"Masalah guna tenaga seperti kekurangan anggota boleh menjaskan tugas rondaan, operasi pencegahan kesalahan lalu lintas dan kawalan pergerakan lalu lintas di kebanyakan bandar," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006.

Ambrin berkata, selain kekurangan anggota, Pasukan Trafik Bukit Aman turut mengalami masalah pengagihan peralatan dan kelengkapan termasuk kenderaan yang jika tidak ditangani dengan baik boleh menimbulkan kesulitan dalam tugas, selain mengurangkan mutu perkhidmatan.

"Semakan audit juga mendapati pasukan trafik mengalami kekurangan peralatan seperti perangkap had laju, alat pengukuran alkohol dalam pernafasan dan alat mengukur cermin gelap.

"Semakan audit mendapati sistem perangkap lampu merah di beberapa lokasi gagal berfungsi dan data menunjukkan 8,367 daripada 19,466 rakaman melalui sistem berkenaan pada 2006 tidak dapat dikeluarkan saman kerana gambar yang dirakam tidak jelas atau rosak," katanya.

11 September 2007 (Khamis)

Tiga kementerian jawab dakwaan salah urus dana

KUALA LUMPUR: Tiga kementerian tampil memberikan penjelasan dan mempertahankan beberapa perkara yang ditegur Ketua Audit Negara berhubung salah urus dana awam, termasuk dalam pembelian peralatan dan pengurusan kontrak. Kementerian berkenaan menjelaskan ada beberapa perkara yang ditegur Ketua Audit Negara itu berlaku kerana masalah teknikal, salah faham serta kekeliruan. Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, berkata pembelian sejumlah peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang menyebabkan kerajaan kerugian RM8.39 juta, berlaku pada 2002 ketika beliau belum menerajui Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Saya dimaklumkan Ketua Setiausaha kementerian bahawa kontrak itu dianugerahkan pada 2002 menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8). Ketika itu, banyak rundingan terus dikeluarkan dan dalam kes ini PMC (Perunding Pengurusan Projek) dilantik. "Apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri, itu PMC ditamatkan dan menerusi RMK-9, tiada lagi kontrak dibuat menerusi PMC," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan misi pendakian solo 50 puncak Kinabalu di Kundasang, Sabah, semalam. Azalina yang dilantik Menteri Belia dan Sukan selepas pilihan raya umum 2003 berkata, beliau dimaklumkan kementeriannya sudah membuat penjelasan kepada Pejabat Peguam Negara berhubung itu terbabit. Laporan Ketua Audit Negara menyebut, KBS membeli 13 peralatan dan kelengkapan bagi IKBN dengan harga semua barang itu dilaporkan melebihi harga pasaran sehingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau akan menyiasat mengenai teguran yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 berhubung kementeriannya. Katanya, langkah itu selaras dengan kehendak Kabinet yang mahu setiap teguran daripada Laporan Ketua Audit Negara diteliti dan diambil tindakan segera. "Biasanya, laporan audit itu ada memberitahu agensi mana yang tidak dapat mematuhi dan tindakan sesuai yang kita boleh ambil. Maka kita bertindak berdasarkan maklumat ini untuk perbaiki kelemahan," katanya. Sementara itu, KSU Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Faizah Mohd Tahir berkata, beliau tidak sewenang-wenangnya membuat kelulusan tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan. Katanya, prosedur pemberian bantuan khas kepada 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berjumlah RM3.8 juta antara 2004 hingga Mac 2006 adalah mengikut dua peringkat jawatankuasa sebelum ia diluluskan.

"Peringkat pertama ialah Urus Setia Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha 1 kementerian yang dianggotai wakil daripada agensi di bawah kementerian seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berperanan memperakukan semua permohonan yang sudah diteliti. "Peringkat kedua ialah Jawatankuasa perakuan Bantuan Khas (JPBK) yang dipengerusikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang berperanan memberi sokongan ke atas perakuan yang dibuat Urus Setia berkenaan. "Mengikut prosedur MS ISO 9001:2000 perakuan dan kelulusan secara edaran adalah dibenarkan di bawah perkara Memperakukan dan Meluluskan permohonan Bantuan Khas Perbendaharaan," katanya dalam kenyataan di sini.

11 September 2007 (Khamis)

Semua jabatan diarah sedia laporan

CYBERJAYA: Kementerian Kewangan semalam mengarahkan semua jabatan dan kementerian berkaitan menyediakan laporan berhubung pendedahan isu salah urus dana awam yang dibangkitkan Laporan Ketua Audit Negara 2006. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata setiap kementerian perlu memberi penjelasan mengenai pendedahan pembelian barang dan peralatan berlipat ganda lebih mahal daripada di pasaran.

"Perkara berhubung keberkesanan kos ini sering diberi fokus dan wajar setiap kementerian memberi maklum balas dan memberitahu tindakan susulan yang akan diambil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sistem Pengangkutan Khusus Cyberjaya, di sini, semalam.

Laporan Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen, Jumaat lalu mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan. Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mahu semua kementerian berkaitan menjawab teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berhubung salah urus dana awam, termasuk dalam pembelian peralatan dan pengurusan kontrak.

Ditanya sejauh mana Perbendaharaan memantau peruntukan perbelanjaan kepada kementerian lain, Nor Mohamed berkata: "Ia menjadi tanggungjawab kementerian berkenaan yang diarah mengemukakan laporan serta-merta." Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, mengarahkan semua pegawai kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha setiap kementerian segera membetulkan kesilapan berhubung salah urus dana awam, termasuk bagi pembelian peralatan serta pengurusan projek.

Sambil mengingatkan mereka tidak mengulangi kesilapan sama, beliau berkata, setiap pegawai kerajaan mesti mengikuti tatacara atau kaedah yang sememangnya sudah ditetapkan dalam mengurus dana awam. Beliau mengesahkan Ketua Setiausaha kementerian tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan kontrak berdasarkan proses rundingan secara langsung tetapi menegaskan pegawai kerajaan mesti mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang memang ada mengenai pengurusan dana awam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, pula berkata semua pihak yang terbabit dalam perkara berkenaan perlu memastikan masalah itu tidak berulang kerana ia membabitkan wang rakyat. Rafidah juga mengingatkan kontraktor yang membida untuk mendapatkan kontrak dan pegawai kerajaan yang meneliti dokumennya mengamalkan sikap beretika, berhemah dan berintegriti.

Beliau berkata, sepatutnya harga yang ditawarkan menerusi tender projek pembangunan atau bekalan peralatan lebih rendah kerana peniaga terbabit membeli bekalan produknya secara pukal, bukannya lebih mahal. Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Samad, pula berkata, pihaknya akan menemui Ketua Audit Negara sebelum memanggil dan menyoal siasat semua pihak terbabit untuk langkah susulan.

12 September 2007 (Rabu)

Tukar serta merta pegawai salah guna wang rakyat

SAYA berpendapat pegawai kerajaan yang terbabit dengan salah guna wang rakyat seperti dide dahkan Ketua Audit Negara sejak tahun lalu bukan saja perlu menjawab dakwaan itu tetapi patut ditukar serta-merta. Langkah tegas ini perlu bagi menjaga nama baik perkhidmatan awam dan mengelak penyelewengan yang lebih serius walaupun tanpa bukti kukuh.

Mana mungkin pegawai dipertanggungjawabkan yang begitu arif dan mahir dalam kerjayanya terlepas pandang atau tidak langsung tahu- menahu mengenai pembelian sama ada melalui tender atau secara terus daripada mana-mana syarikat. Anehnya, ada syarikat terbabit berurusan sejak bertahun tahun lamanya dengan harga yang boleh dipertikaikan.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) perlu menyiasat kerana semua pembelian adalah melalui baucar kerajaan membabitkan wang rakyat. BPR diharap turut menyiasat tahap kemampuan keluarga mereka yang terbabit dan melihat, sama ada mereka hidup mewah melampaui pendapatan keluarga.

Diharap jabatan audit akan juga melakukan siasatan pada peringkat negeri, termasuk badan berkanun serta anak syarikat kerajaan negeri supaya mereka bersih daripada penyelewengan yang tidak sepatutnya berlaku.

Dalam pada itu, siasatan juga perlu diperluaskan kepada perbelanjaan yang membazir seperti penganjuran kursus secara mewah di tempat peranginan dan pembelian peralatan pejabat yang berlebihan dan tidak begitu penting serta jarang digunakan.

**SYED ABDULLAH OSMAN JAMALULLAIL,
Ampangan, Seremban.**

12 September 2007 (Rabu)

Lembaga Muzium Pahang

KUALA LUMPUR:

Lembaga Muzium Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands ditegur Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berhubung kelemahan dalam kawalan pengurusan kewangan.

Beliau membuat teguran itu dalam Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan/Aktiviti kerajaan Pahang 2006 mendapati dua agensi itu gagal mengamalkan perbelanjaan baik.

Katanya, lebihan perbelanjaan dilakukan disebabkan beberapa program atau projek yang tidak dirancang dari awal mengakibatkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

12 September 2007 (Rabu)

Melaka perlu tingkat usaha jelas tunggakan

PERBENDAHARAAN negeri Melaka perlu meningkatkan usaha bagi menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual dan mengutip tunggakan yang diberi kepada agensi kerajaan negeri.

Ketua Audit Negara dalam Penyata Kewangan Negeri Melaka 2006 menyatakan Perbendaharaan negeri perlu menjalankan pemantauan berterusan serta mengambil tindakan lebih tegas memastikan jabatan dan pejabat kerajaan negeri mematuhi undang-undang dan prosedur kewangan yang ditetapkan.

Ia menyatakan walaupun secara keseluruhannya pengurusan kewangan adalah baik, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang seperti cek tidak laku dan tunggakan hasil.

Pada akhir Disember 2006 baki hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.05 bilion iaitu baki pinjaman bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan projek pelbagai.

Jumlah pinjaman diterima pada 2006 adalah RM33.55 juta. Bagaimanapun hingga Mac 2007, RM10.82 juta pinjaman bagi tujuan projek bekalan air yang sepatutnya disalurkan kepada Perbadanan Air Melaka masih belum dikeluarkan kepada agensi itu.

Laporan itu juga menyebut Pejabat Tanah masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan terutama aspek kawalan pengurusan dan pengurusan aset.

12 September 2007 (Rabu)

Selangor ditegur tidak bertindak ke atas pemaju

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara 2006 menegur kerajaan Selangor berhubung projek penswastaan pembangunan penempatan kawasan Orang Asli di Kampung Air Kuning, Bukit Cerakah kerana gagal mematuhi syarat perjanjian.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata projek yang sepatutnya siap Mac 2007 masih gagal disiapkan sepenuhnya, tetapi pemaju terbabit, Syarikat Ecoasli Development Sdn Bhd tidak dikenakan penalti pada kadar lapan peratus setahun seperti dipersetujui.

Beliau berkata, pemaju hanya menyerahkan RM9.63 juta pampasan kepada Orang Asli hingga Disember 2006 berbanding RM39.54 juta yang dipersetujui. Katanya, baki RM29.95 juta masih belum dijelaskan pemaju membabitkan bayaran tunai RM1.76 juta, rumah serta bangunan (RM13.79 juta), rumah dan bangunan kepada kerajaan Selangor (RM14.4 juta).

"Sebaliknya pemaju membina rumah untuk dijual kepada orang awam. Semakan Audit mendapati kualiti pembinaan dan pematuhan spesifikasi kontrak tidak memuaskan menyebabkan pihaknya meragui keupayaan pemaju menyiapkan projek itu," katanya.

Pada 2005, projek berkenaan pernah menjadi isu nasional apabila ia tidak mematuhi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) hingga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selain itu, Ambrin berkata, kerajaan Selangor menanggung tunggakan hasil mencecah RM802.78 juta tahun lalu yang sejumlah besar milik syarikat yang tidak dapat dikesan, proses pembersihan data yang belum selesai dan surat peringatan kepada pemilik tanah tidak berkesan.

Beliau berkata, tunggakan daripada 134 pemungut itu mencatatkan peningkatan RM224.19 juta atau 38.7 peratus, berbanding RM578.59 juta pada 2005.

"Jumlah tunggakan cukai tanah mencecah RM778.21 juta iaitu peningkatan 45.3 peratus atau RM242.47 juta sepanjang tahun lalu berbanding RM535.74 juta pada 2005.

"Pejabat Daerah dan Tanah Petaling mencatatkan tunggakan tertinggi cukai tanah iaitu RM334.8 juta dengan peningkatan RM182.8 juta atau 120.3 peratus, diikuti Klang (RM24.16 juta), Hulu Selangor (RM21.14 juta) dan Gombak (RM10.67 juta)," katanya.

Ambrin berkata, semakan terhadap Akaun Penyelesaian Cek Terbatal Selangor mendapati cek belum dituntut pada 2003 berjumlah RM17.67 juta termasuk cek pelarasan bernilai RM12.53 juta, manakala hingga Disember 2006, 804 cek luput RM102.46 juta belum diselaraskan termasuk sekeping cek pelarasan berjumlah RM91.55 juta yang dikeluarkan pada 2004.

12 September 2007 (Rabu)

Sabah lantik juruperunding tanpa rujuk JKR

KEMENTERIAN Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah didapati tidak merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum melantik juruperunding projek bagi melaksanakan pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud pada 2002.

Laporan Ketua Audit Negara bagi Aktiviti dan Kajian Khas Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Sabah 2006, berkata tindakan itu menyebabkan kerajaan terpaksa membayar juruperunding dewan bernilai RM4.25 juta itu sebanyak RM818,118.

Mengikut rekod Majlis Daerah Kota Belud (MDKB), pembayaran kepada empat juruperunding itu membabitkan RM451,500 untuk reka bentuk dan RM366,618 untuk reka bentuk kedua, manakala pembayaran semula RM68,556.

Semakan audit mendapati akibat kelalaian kementerian berkenaan (melantik juruperunding tanpa merujuk kepada JKR) berlaku lebihan pembayaran yuran juruperunding sebanyak RM121,965.

Semakan audit terhadap penggunaan dewan yang siap pada Disember 2004 itu menunjukkan ia hanya digunakan pada Mei 2005. "Bagaimanapun rekod kutipan sewa yang diselenggarakan bahagian akaun MDKB bagi tempoh Julai 2005 hingga Julai 2006 mendapati ia hanya digunakan 13 kali untuk aktiviti sukan dan 19 kali untuk acara atau program sama ada oleh kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan atau sekolah," menurut laporan itu.

12 September 2007 (Rabu)

13 sekolah agama daif

LAPORAN Jabatan Audit Negara menunjukkan sebahagian sekolah agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan berada dalam keadaan daif serta tidak mempunyai kelengkapan seperti makmal, dewan, bilik computer dan kantin.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata analisis terhadap 19 sekolah agama menunjukkan 13 sekolah tidak mempunyai makmal sains, 14 sekolah tiada dewan, lapan tidak dilengkapi bilik komputer, tujuh tiada bengkel manakala enam tidak mempunyai padang.

"Keseluruhan pengurusan sekolah agama Kerajaan Negeri adalah tidak memuaskan disebabkan kekurangan infrastruktur, kemudahan alat pembelajaran tidak lengkap, masalah peruntukan kewangan serta kekurangan guru pelatih.

"Masalah terbabit menyebabkan tujuh daripada 26 sekolah agama di negeri itu terpaksa ditutup manakala tujuh lagi mempunyai murid kurang 100 orang kerana tidak mempunyai asrama selain prestasi peperiksaan yang tidak memuaskan serta lokasi tidak sesuai," katanya.

12 September 2007 (Rabu)

Projek ladang hutan tak ikut perancangan

PELAKSANAAN projek ladang hutan dan ladang hutan getah di Kelantan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) gagal kerana tidak mengikut perancangan termasuk kegagalan menyediakan kajian kesesuaian tanah, tapak tanaman dan kesan alam sekitar.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata kegagalan Jabatan Perhutanan Kelantan mengambil kira belanjawan yang disediakan dalam RMK-8 ketika menyediakan perancangan peruntukan tahunan juga menyebabkan peruntukan yang diluluskan jauh lebih rendah berbanding anggaran.

Katanya, mengikut perancangan anggaran peruntukan untuk ladang hutan adalah RM10.81 juta, manakala ladang hutan getah membabitkan RM3.24 juta. "Namun, jumlah kos sebenar yang dibelanjakan bagi pengurusan ladang hutan bagi RMK-8 adalah RM4.06 juta atau 31 peratus saja dan 118 hektar saja ladang hutan diwujudkan berbanding anggaran 1,500 hektar iaitu lapan peratus.

"Kos pengurusan ladang hutan getah pula hanya RM780,000 berbanding anggaran RM3.24 juta iaitu lebih kurang 24 peratus dengan keluasan 102 hektar ladang saja dibangunkan berbanding anggaran 500 hektar ladang.

"Perbandingan antara anggaran kos dan kos sebenar perbelanjaan pengurusan projek ladang hutan sepanjang RMK-8 iaitu dari 2001 hingga 2005 menunjukkan ia tidak ekonomik," katanya dalam laporan aktiviti dan kajian khas jabatan dan agensi kerajaan Kelantan 2006.

12 September 2007 (Rabu)

'Siasat terperinci beli peralatan IKBN'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Hishammuddin Hussein menggesa pihak berkuasa melakukan siasatan secara menyeluruh bagi mencari keadilan berhubung pembelian beberapa peralatan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang terlalu tinggi berbanding harga pasaran. Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran, menegaskan beliau tidak mempunyai apa-apa yang hendak disorokkan.

"Nasihat saya tidak kira bila, kita secara bersama bertanggungjawab di bawah satu kerajaan. Pihak berkuasa harus menyiasat...siapa yang bersalah tetap bersalah. "Jika ada kesalahan, ambil tindakan terhadap pihak yang bersalah termasuk jika ia membabitkan saya," katanya dalam jawapan ringkas menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) semalam.

Beliau yang memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan pada 2002, ketika ini berada di Arab Saudi bersama pegawai kementerian dalam usaha mengenai pasti program pengembangan minda kanak-kanak pintar yang dilaksanakan Kementerian Pelajaran Arab Saudi. Hishammuddin diminta mengulas kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said kelmarin bahawa pembelian peralatan dan kelengkapan di IKBN yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara berlaku pada 2002.

Ketika itu, Azalina belum dilantik untuk menerajui kementerian berkenaan. Azalina berkata, Ketua Setiausaha kementerian memberitahunya kontrak itu dianugerahkan pada 2002 menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan ketika itu banyak rundingan terus dikeluarkan dan dalam kes berkenaan membabitkan Perunding Pengurusan Projek (PMC).

Azalina yang dilantik Menteri Belia dan Sukan selepas pilihan raya umum 2003 berkata, kementeriannya sudah membuat penjelasan kepada Pejabat Peguam Negara berhubung isu terbabit.

Laporan Ketua Audit Negara 2006 mendedahkan pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi IKBN dengan harga semua barang itu dilaporkan melebihi harga pasaran hingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding harga pasaran RM2.98 juta, alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50. Kementerian Belia dan Sukan juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 setiap set sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set.

12 September 2007 (Rabu)

BPR siasat menteri, pegawai

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menyoal siasat menteri atau pegawai kanan kementerian yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara berhubung salah urus dana awam termasuk membuat perbelanjaan meragukan. Pada masa yang sama, menteri terbabit juga diarah memberikan penjelasan terperinci mengenai perkara itu pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Di KUCHING, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata dalam mesyuarat Kabinet yang lalu sebelum beliau berlepas ke Australia bagi menghadiri sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), semua menteri terbabit sudah diarah memperhalusi laporan audit berkenaan.

"Mereka perlu memberi penjelasan secara terperinci pada mesyuarat Kabinet akan datang (hari ini)," katanya pada sidang akhbar di hotel penginapannya semalam. Beliau tiba di Kuching kelmarin bagi menghadiri perayaan Malaysia Merdeka.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara sudah mencukupi untuk membolehkan BPR menyiasat sesiapa saja yang terbabit, termasuk menteri.

"BPR boleh berjumpa sesiapa saja tidak kira dia menteri atau ketua setiausaha, jika mereka rasa perlu berjumpa menteri... BPR akan pergi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Akhir Pidato Pencegahan Rasuah Pra Universiti Peringkat Kebangsaan di Putrajaya semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said Hamdan.

Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen Jumaat lalu, mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan. Antaranya, pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan harga yang dilaporkan melebihi harga pasaran sehingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit. Turut didedahkan ialah tindakan ketua setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa menteri dikemukakan ketika pengauditan dijalankan.

Nazri bagaimanapun menjelaskan bukan semua menteri yang terbabit dalam laporan itu akan disoal siasat BPR.

"BPR lebih tahu siapa yang perlu disoal siasat. Perdana Menteri sudah mengarahkan semua menteri ambil berat apa yang ditegur, itu yang Perdana Menteri maksudkan, bukannya menteri bertanggungjawab akan disoal siasat atas tuduhan rasuah dan

Perdana Menteri minta ambil tindakan," katanya. Beliau berkata, BPR sudah menjalankan siasatan dan ia boleh dilakukan tanpa memaklumkannya kepada menteri terbabit.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mewujudkan pusat pemerolehan bagi mengelak salah urus dana awam, Nazri berkata, penubuhan pusat itu akan mewujudkan lebih banyak kerentenan birokrasi.

Mengenai pertandingan pidato anjuran BPR, beliau mencadangkan supaya ia turut diadakan dalam bahasa Mandarin dan Tamil serta beberapa dialek lain termasuk bahasa Iban dan Kadazan.

Beliau berkata, cadangan itu perlu dilaksanakan bagi memastikan mesej berhubung kesalahan rasuah dapat disampaikan kepada semua peringkat masyarakat, terutama mereka yang belum menguasai sepenuhnya bahasa Malaysia dan Inggeris.

Pertandingan bagi kategori Bahasa Malaysia itu dimenangi Muhammad Azli Md Ali dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Kukup, Pontian, Johor, manakala pelajar SMK Agama Sheikh Abdul Malek, Terengganu, Nurul Ain Mat Rahim mendapat tempat kedua dan Fahmi Khawarizmi Mahmud dari Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor (ketiga).

Kategori bahasa Inggeris pula dimenangi Harish Nair dari SMK St John, Kuala Lumpur, diikuti S Chulan dari SMK Penang Free School, Pulau Pinang selaku Naib Johan dan tempat ketiga, R Sharmannand dari SMK Seri Pagi Senawang, Negeri Sembilan.

Johan kedua-dua kategori membawa pulang piala pusingan dan piala iringan, wang tunai RM1,000 serta sijil penyertaan; naib johan RM750, piala iringan dan sijil penyertaan manakala tempat ketiga RM500, piala iringan serta sijil penyertaan.

13 September 2007 (Khamis)

BPR wajar siasat pegawai ditegur Ketua Audit

SABAN tahun apabila Laporan Ketua Audit Negara dikeluarkan, ada pihak berasa gelisah, tidak puas hati atau cuba menudung jari kepada pihak lain - semuanya bagaikan tidak mengaku wujudnya kelemahan atau kesilapan. Alangkah baik, agensi yang ditegur itu memperbaiki segala kelemahan yang wujud, tetapi pada masa sama mengenal pasti pegawai bertanggungjawab untuk dikenakan tindakan.

Tujuan pengauditan bukan untuk mencari salah, tetapi bagi memastikan setiap perbelanjaan wang kerajaan dilakukan mengikut prosedur. Bagaimanapun, apabila kelemahan atau penyelewengan dikesan, tindakan perlu diambil bagi memastikan ia tidak berulang.

Jika wujud penyelewengan, ketua jabatan perlu menyerahkan nama pegawai berkenaan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk disiasat. Tidak perlulah, menteri atau pegawai atasan menudung jari kerana yang penting kelemahan itu perlu diperbaiki. Jika kesilapan itu tidak disengajakan atau dalam kes tertentu, prosedur tidak sempat dipatuhi, penjelasan perlu diberi.

Namun, jika kesilapan itu nyata disebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa, kita sependapat bahawa BPR perlu menyoal siasat mereka yang sepatutnya bertanggungjawab seperti ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara. Pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu sudah cukup membolehkan BPR menyiasat sesiapa yang terbabit dalam salah laku.

Mungkin sesetengah perkara yang ditegur oleh Ketua Audit Negara itu berlaku kerana masalah teknikal, salah faham serta kekeliruan. Begitu pun, setiap pegawai kerajaan mesti mengikuti tatacara atau kaedah yang sememangnya sudah ditetapkan dalam mengurus dana awam. Seperti kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha (KSU) kementerian tidak mempunyai kuasa meluluskan kontrak berdasarkan proses rundingan secara langsung, tetapi menegaskan pegawai kerajaan mesti mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) berhubung pengurusan dana awam.

Satu perkara yang perlu ditegur ialah tindakan sesetengah agensi kerajaan membeli aset atau mengeluarkan kos tertentu, semata-mata ingin menghabiskan bajet tahunan setiap akhir tahun. Tindakan ini perlu dihentikan. Malah, pegawai yang terbabit dengan pembelian aset kerajaan dengan sengaja menaikkan sebut harga kerana ada 'agenda keuntungan' seperti dide dahkan dalam Laporan ketua Audit Negara perlu itu, juga perlu dikenakan tindakan termasuk ditukar tempat kerja.

Bagi mengatasi salah laku dan salah guna kuasa, usaha perlu dibuat untuk memanggil tender secara terbuka, bukan rundingan terus dan pilih pembida yang menawarkan harga terbaik. Kita berharap semua pegawai kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha setiap kementerian segera membetulkan kesilapan berhubung salah urus dana awam termasuk bagi pembelian peralatan serta pengurusan projek. Kita tidak mahu penyelewengan segelintir pegawai kerajaan menyebabkan nama baik perkhidmatan awam terjejas.

Mungkin aspek lain perlu dikaji terutama tindakan menurunkan kuasa kepada pegawai bawahan dalam usaha mengurangkan kerenah birokrasi bagi memperbaiki sistem penyampaian awam. Kita tidak pasti sama ada tindakan KSU meluluskan kontrak berdasarkan rundingan terus, termasuk langkah penurunan kuasa. Jika benar, eloklah dikaji semula kerana penurunan kuasa cuma sesuai dalam soal pentadbiran dan pengurusan hal pembangunan, bukan bagi projek seperti tender kerana ia terdedah kepada penyalahgunaan kuasa.

Yang kita tahu, rundingan terus atau Perundingan Pengurusan Projek (PMC) ditamatkan selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara dan kini kebanyakan projek dilakukan menerusi tender terbuka. Misalnya, tiada lagi PMC diguna pakai untuk projek dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

13 September 2007 (Khamis)

Penjelasan diberi

KOTA KINABALU:

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah akan memberi penjelasan kepada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berhubung pelantikan juruperunding pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud (MDKB) pada 2002 yang didapati tidak merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menterinya, Datuk Hajiji Mohd Noor, berkata Setiausaha Tetap Kementeriannya, Datuk Ujang Sulani, sudah memberi taklimat kepada beliau dan pegawainya mengenai perkara terbabit, semalam.

Katanya, kementeriannya akan memperbaiki segala kelemahan berkenaan.

13 September 2007 (Khamis)

Selangor denda pemaju tak siapkan projek

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor sudah mengenakan penalti lapan peratus terhadap tunggakan pemaju yang gagal menyiapkan projek penswastaan pembangunan penempatan kawasan Orang Asli di Kampung Air Kuning, Bukit Cerakah.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata tindakan itu dikenakan terhadap Syarikat Ecoasli Development Sdn Bhd (Ecoasli Development) selepas meneliti rayaannya berikutan kegagalan menyiapkan projek pada Mac lalu. Katanya, kerajaan negeri sudah memberi penjelasan mengenai perkara itu kepada Ketua Audit Negara.

"Tidak ada masalah kerana Selangor sudah mendapat Sijil Bersih (Audit Negara) enam tahun berturut-turut. Cuma Ecoasli Development merayu. Biasalah itu hak dia dan kita sudah pun tolak rayuan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Exco, di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai laporan Ketua Audit Negara 2006 semalam yang menegur kerajaan Selangor berhubung projek penswastaan pembangunan penempatan kawasan Orang Asli di kampung itu kerana gagal mematuhi syarat perjanjian. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dalam laporannya berkata projek yang sepatutnya siap Mac lalu gagal disiapkan sepenuhnya, tetapi Ecoasli Development tidak dikenakan penalti pada kadar lapan peratus setahun seperti dipersetujui.

Dr Mohamad Khir berkata, yang penting ialah kerajaan negeri memperoleh faedah maksimum daripada sebarang projek usaha sama, bukan kerana siapa pemaju yang melaksanakannya. Bagaimanapun, katanya, pasaran semasa harta tanah perlu diteliti sebelum meneruskan projek menyiapkan rumah bagi mengelak kerugian.

"Kena tengok pasaran, kalau siapkan rumah tetapi tak boleh jual, lagi teruk. Kerana itu, kita tangguhkan banyak projek penswastaan kalau pasaran tak ada. Kita kena berhenti dulu. "Mungkin projek ini ditangguh dalam masa lima enam bulan tetapi apabila harga rumah meningkat ketika itu, pemaju kena berikan sebahagian daripada keuntungan kepada kerajaan bagi mengelak syarikat tidak melambat-lambatkan projek untuk mendapat lebih keuntungan," katanya.

Mengenai tunggakan hasil mencecah RM802.78 juta tahun lalu yang ditanggung kerajaan negeri, Dr Mohamad Khir berkata, ia kerana kebanyakan tanah diberikan kepada anak syarikat kerajaan negeri dan hanya perlu membayar premium selepas tanah dibangunkan.

Di ALOR STAR, Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kerajaan negeri menukuhan pasukan petugas khas diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdullah bagi memperbaiki pengurusan Baitulmal dan Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik).

"Pasukan itu akan meneliti sebarang kelemahan dan mengemukakan cadangan memperbaiki tahap pengurusan, selain kemungkinan masalah kekurangan kakitangan," katanya.

13 September 2007 (Khamis)

JKM Pahang ambil tindakan disiplin

KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang dalam proses mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangannya di Raub dan Bentong yang terbabit dalam kegiatan rasuah kerana menipu jabatan itu membabitkan wang tunai berjumlah RM113,044.

Kes mengejutkan itu berlaku apabila pejabat JKM Raub mengeluarkan bantuan kebajikan berjumlah RM101,765 kepada 33 penerima dan RM11,279 lagi dikeluarkan JKM Bentong kepada penerima yang sudah meninggal dunia. Pengarah JKM Pahang, Datuk Bakar Mamat yang terkejut dengan kejadian itu berkata, bentuk tindakan disiplin yang boleh dikenakan terhadap mereka terbabit termasuk digantung kerja atau dipecat, akan diputuskan pada mesyuarat tidak lama lagi.

Katanya, kes berkenaan sudah dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini, tiga bulan lalu, selain dua laporan polis dibuat iaitu masing-masing di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub dan IPD Bentong, baru-baru ini.

"Saya mengesahkan BPR ada datang ke pejabat JKM untuk menyiasat kes ini dan saya tidak tahu perkembangan lanjut siasatan mereka. "Paling penting, kita tidak akan melindungi mereka yang melakukan kesalahan, sebaliknya sedia bekerjasama membantu pihak berkuasa menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mereka kerana kes ini serius."

"Setakat ini, mereka yang terbabit dalam kes ini masih bekerja sehingga mesyuarat JKM memutuskan bentuk tindakan tatatertib yang akan dikenakan kelak," katanya ketika dihubungi semalam.

Akhbar semalam melaporkan JKM Pahang dikatakan berurusan dengan mereka yang sudah meninggal dunia apabila 'menyerahkan' bantuan kebajikan masing-masing berjumlah RM101,765 kepada 33 individu yang sudah meninggal dunia di Raub dan RM11,279 untuk tiga orang yang juga sudah mati di Bentong.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang, berkata kesalahan dilakukan pegawai JKM ini amat mengejutkan kerana penerimanya sudah meninggal dunia, tetapi nama mereka masih kekal dalam senarai penerima bantuan JKM. Bakar berkata, kes yang pertama kali berlaku di Pahang itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang meminta siasatan dilakukan dan tindakan diambil terhadap mereka terbabit.

Katanya, semua pihak perlu menjadikan pembongkaran kes itu sebagai ictibar bagi mengelak ia berulang pada masa depan. "Saya meminta semua kakitangan JKM bekerja penuh amanah kerana perkara buruk yang kita buat akhirnya terdedah juga."

"Kes ini bukan saja menyusahkan mereka yang terbabit, tetapi turut mencalar imej JKM Pahang yang selama ini dipandang tinggi kerana sentiasa membantu rakyat yang dalam kesusahan," katanya.

13 September 2007 (Khamis)

Shahrizat sedia disiasat

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bersedia untuk disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung salah urus dana awam seperti ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Sambil mempertahankan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang disabitkan dalam laporan audit itu, beliau berkata, tiada apa yang perlu ditakutkan kerana pihaknya tidak menyembunyikan sebarang fakta berhubung perkara itu. "Saya mengalu-alukan BPR untuk menyoal siasat kerana kementerian sentiasa membuka pintu (untuk disiasat). Bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa NGO yang ditegur tidak menyalahgunakan dana diberi. Ada yang dapat duit tapi tak buat program dirancang ketika itu sebaliknya mereka simpan untuk menjalankan program akan datang. Apa pun kita mengambil iktibar di atas teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan akan pastikan segala teguran diperbaiki pada masa depan. Namun, seperti sudah dijelaskan sebelum ini, teguran itu lebih kepada masalah teknikal dan prosedur, bukan salah guna bantuan.

"Kementerian sendiri tidak akan berkompromi jika perkara itu berlaku (salah urus dana) kerana ia di bawah tanggungjawab kami," katanya kepada pemberita, selepas mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Profesor Datuk Dr Aminah Ayob, 56, yang baru dilantik ke jawatan itu pada 1 September lalu, di sini, semalam. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Operasi), Abdullah Sani Baharin; TKSU (Dasar), Norhayati Sulaiman dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Akhbar semalam melaporkan, BPR akan menyoal siasat menteri atau pegawai kanan kementerian yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara berhubung salah urus dana awam termasuk membuat perbelanjaan meragukan. Akhbar semalam turut melaporkan Shahrizat menafikan berlaku penyelewengan dalam pengagihan bantuan khas kepada NGO seperti dinyatakan dalam laporan berkenaan dan menjelaskan ia hanya membabitkan pengurusan teknikal NGO dan bukannya penyelewengan seperti disalah anggap sesetengah pihak.

Beliau berkata, pihaknya mengambil iktibar di atas teguran itu dan bagi memastikan perkara sama tidak berlaku di masa depan, kementerian akan menjalankan kursus untuk NGO terutama membabitkan soal pengurusan dan prosedur teknikal. Terdahulu, Shahrizat berkata, kementeriannya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed yang memberi penghormatan kepada wanita memegang jawatan pada peringkat pembuat keputusan. Pelantikan Aminah menjadikan beliau wanita ketiga dilantik menjadi naib canselor selepas Datuk Dr Rafiah Salim (Universiti Malaya) dan Prof Datuk Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Universiti Kebangsaan Malaysia). "Kita sangat berterima kasih kepada Pak Lah kerana di bawah kepemimpinannya, sudah tiga wanita diberi penghormatan memegang jawatan naib canselor dan ia membuktikan mereka prihatin perjuangan dan pelaksanaan pelan strategik kementerian untuk mencapai kuota sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan. "Bagaimanapun, ingin saya tegaskan bahawa lantikan ini bukan semata-mata kerana beliau (Aminah) adalah wanita, tetapi kerana berkelayakan untuk menerajui UPSI. Pencapaian ini (pelantikan tiga naib canselor) amat membanggakan," katanya.

13 September 2007 (Khamis)

Operasi tanpa kebenaran

K TERENGGANU:

Kerajaan Terengganu akan mengambil tindakan terhadap tiga taman didikan kanak-kanak (tadika) Yayasan Islam Terengganu (YIT) yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 beroperasi tanpa kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan negeri, Datuk Rosol Wahid, berkata tiga tadika itu beroperasi di Renek, Besut dan Kijal (Kemaman) serta Putrajaya (Setiu).

Beliau berkata, tadika di Kijal dan Renek akan didirikan di tapak baru, manakala tadika di Putrajaya belum mendapat sijil layak menduduki (CF).

14 September 2007 (Jumaat)

Ketua Menteri arah pantau prosedur kewangan projek

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, meminta semua agensi kerajaan negeri memantau secara terperinci projek masing-masing bagi memastikan undang-undang dan prosedur kewangan dipatuhi seperti ditetapkan Ketua Audit Negara dalam Penyata Kewangan Negeri Melaka 2006 yang dilaporkan kelmarin.

Beliau berkata, setakat ini agensi kerajaan banyak membantu membangunkan negeri Melaka dengan pelbagai projek sehingga menyaksikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri itu tahun lalu mencatatkan 6.4 peratus, berbanding 5.9 peratus KDNK negara.

"Setiap jabatan mengadakan perbincangan berhubung prestasi projek masing-masing pada setiap minggu dan pemantauan dilakukan secara berterusan. Dengan cara ini, saya percaya banyak projek dapat dijalankan lebih teratur tanpa menyimpang daripada prosedur yang ditetapkan.

"Kerajaan juga menubuhkan jawatankuasa pemantau yang diselia Exco kerajaan negeri untuk projek lain, Pada masa sama saya meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) segera menghantar seorang Pegawai Pembangunan Negeri (SDO) ke Melaka kerana ada beberapa tender tidak dapat diputuskan berikutan ketiadaan pegawai berkenaan," katanya.

Akhbar kelmarin melaporkan Ketua Audit Negara meminta Perbadanahaan negeri Melaka meningkatkan usaha bagi menjelaskan tunggakan dan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual dan mengutip tunggakan yang diberi kepada agensi kerajaan negeri.

14 September 2007 (Jumaat)

BPR teliti laporan audit

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) sedang memperhalusi Laporan Ketua Audit Negara 2006 berhubung perbelanjaan meragukan membabitkan beberapa kementerian dan agensi kerajaan, termasuk pada peringkat negeri, kata Pengarah Siasatannya, Mohd Shukri Abdul. Laporan itu akan digunakan sebagai panduan bagi mengesan kemungkinan wujud unsur rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan dana awam. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menegaskan, kerajaan tiada halangan mengenai perkara itu dan BPR boleh menyiasat jika mendapati sesetengah maklumat yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara itu menimbulkan keraguan. Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen Jumaat lalu, mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan. Antaranya, pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan harga yang dilaporkan melebihi harga pasaran sehingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran. Turut didedahkan ialah tindakan ketua setiausaha Kementerian Belia dan Sukan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa menteri dikemukakan ketika pengauditan dijalankan. Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata pendedahan dalam laporan audit itu cukup untuk membolehkan BPR menyiasat sesiapa saja yang terbabit, termasuk menteri. Mohd Shukri ketika dihubungi semalam berkata, penelitian rapi perlu dilakukan bagi memastikan kesahihan maklumat yang dibentangkan dalam laporan audit itu.

"Beri kami sedikit masa lagi. Ketika ini kami bertungkus-lumus meneliti setiap aspek yang dibentangkan dalam laporan audit itu bagi menentukan sama ada maklumat dibentangkan ada asas untuk membuka kertas siasatan," katanya. Sementara itu, Abdullah ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketujuh Majlis Pembangunan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan di Bank Negara Malaysia semalam berkata, BPR boleh menyiasat mana-mana maklumat yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara. "Kita tidak akan halang BPR buat siasatan. Jika ada yang tak kena atau menimbulkan syak, tentulah BPR mahu buat siasatan," katanya Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, laporan itu boleh dijadikan sumber untuk dibaca dan diperhalusi semua pihak, termasuk BPR. Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada laporan berkenaan sesuai dijadikan sumber untuk BPR membuka kertas siasatan kerana bimbang pelbagai pihak akan membuat spekulasi dan tanggapan mengenainya.

Mengenai penjelasan menteri terbabit mengenai perkara itu dalam mesyuarat Kabinet kelmarin, Abdullah berkata, pegawai bertanggungjawab ditugaskan menyediakan penjelasan berkenaan. "Pegawai terbabit akan menyediakan keterangan berhubung isu diketengahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara," katanya. Sementara itu, ketika ditanya mengenai perbezaan RM8.1 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dalam Bajet 2008 dan Laporan Ekonomi 2007/2008, Abdullah berkata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop akan menyiapkan penjelasan bertulis berhubung perkara itu.

15 September 2007 (Sabtu)

Jabatan Audit Negara perkenal penarafan bintang

PUTRAJAYA: Sistem penarafan bintang yang akan diberi kepada kementerian dan kerajaan negeri mulai tahun depan bakal menyaksikan sejauh mana kecekapan dan ketelusan diamalkan pihak berkenaan. Melalui sistem itu, Jabatan Audit Negara akan menilai sesebuah kementerian dan kerajaan negeri berdasar Indeks Akauntabiliti.

Empat bintang akan diberi kepada kementerian dan kerajaan negeri yang mematuhi 90 peratus peraturan ditetapkan, dan satu bintang diberi kepada pihak yang mematuhi 50 peratus atau ke bawah peraturan itu. Jika mendapat empat bintang, bermakna kementerian atau kerajaan negeri menjalankan pentadbiran dengan cekap dan telus, tetapi jika hanya satu bintang, jelas menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah dalam pentadbiran.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata penilaian itu akan dilakukan setiap tahun, manakala agensi kerajaan dan badan berkanun dilakukan mengikut giliran iaitu sekali dalam setiap tiga tahun.

"Indeks penilaian menyeluruh membabitkan pemberian penarafan bintang itu turut dijadikan faktor dalam pelantikan ketua setiausaha dan pegawai kanan kementerian. "Di akhir penilaian mereka diberi markah dan berdasarkan markah itu mereka diberi penarafan bintang. Maka itu adalah ukuran sejauh mana mereka mematuhi peraturan.

"Kita harap dengan instrumen itu pelbagai persoalan akan lebih telus, bila kita tengok empat bintang maksudnya mereka mematuhi peraturan dan bila satu bintang banyak perkara yang mesti dilakukan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sidang media selama hampir sejam itu diadakan selepas pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen, Jumaat lalu.

15 September 2007 (Sabtu)

Dakwaan 26,000 warga asing dapat PTPTN disiasat

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi akan menjalankan siasatan rapi terhadap dakwaan bahawa Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Nasional (PTPTN) meluluskan permohonan pinjaman pendidikan kepada 26,000 warga asing.

Timbalan Menterinya, Datuk Ong Tee Keat, berkata kementerian perlu melakukan siasatan lanjut mengenai dakwaan itu bagi melihat kelemahan dalam sistem digunakan PTPTN dalam proses memberikan pinjaman.

"Walaupun PTPTN sudah memberi penjelasan tetapi siasatan kementerian juga perlu kerana dakwaan ini cukup serius kerana pinjaman hanya sah kepada rakyat Malaysia dan akan memberi anggapan tidak baik kepada kerajaan.

"Daripada siasatan itu, kita dapat lihat apa kelemahan dan memperbaikinya. Tindakan menyiasat ini bukan untuk mencari kesalahan mana-mana pihak," katanya pada sidang media selepas menyerahkan sumbangan kepada 12 sekolah bagi kawasan Parlimen Pandan di sini, semalam.

Melalui sumbangan ini, setiap sekolah menerima bantuan kewangan RM3,000 untuk menjalankan aktiviti berkaitan program motivasi untuk pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan utama. Baru-baru ini, media melaporkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan 2006 yang mendedahkan PTPTN meluluskan permohonan pinjaman pendidikan kepada kira-kira 26,000 pelajar warga asing.

PTPTN dalam penjelasannya berkata, perkara itu adalah berikutan kesilapan pemohon terdiri daripada rakyat Malaysia menandakan kotak yang salah ketika hendak mengesahkan status kewarganegaraan.

Tetapi, pegawai Kementerian Pengajian Tinggi dipetik akhbar berbahasa Cina berkata, adalah mustahil untuk perkara itu berlaku kerana hanya rakyat Malaysia boleh memasuki laman web PTPTN untuk mengetahui status pinjaman.

15 September 2007 (Sabtu)

Sektor awam perlu baiki pengurusan belanja

Menurut Pengarah Urusan Khazanah Nasional, Datuk Azman Mokhtar, kini beberapa kejayaan sudah dicapai GLC yang menggunakan sistem perolehan yang baru itu. Walaupun angkanya belum ditentukan, tetapi kenyataan Datuk Seri Abdullah dalam Ucapan Bajet 2008 jelas menunjukkan bahawa transformasi GLC, di mana sistem perolehan berkenaan adalah sebahagian daripadanya adalah memberangsangkan.

Menurutnya, antara faktor menyumbang kepada prestasi pasaran saham (kini kita antara yang terbesar dan aktif di rantau ini, Indeks Komposit Kuala Lumpur mencecah 1,299 mata pada 6 September lalu dan pasaran modal mencapai RM1 trillion) ialah kejayaan Program Transformasi GLC dengan modal pasaran 45 buah GLC meningkat sebanyak RM129 bilion (61 peratus).

Tetapi malangnya, minat terhadap sistem pengurusan perbelanjaan berkenaan di kalangan sektor awam tidak begitu hangat. Contohnya, enam bulan selepas ia diumumkan Abdullah dalam ucapan Bajet 2006 itu, seorang daripada Pegawai Kewangan Negeri di barat Semenanjung masih tidak tahu mengenainya.

Manakala, Laporan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, mengenai Penyata Akaun Awam dan pengurusan kewangan kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan bagi 2006 membolehkan tafsiran dibuat bahawa ia belum dilaksanakan di kebanyakan agensi kerajaan. Laporan kali ini menunjukkan banyak kelemahan dalam pengurusan perbelanjaan yang mengakibatkan perbelanjaan tidak munasabah dan membazirkan wang rakyat. Contoh paling klasik ialah harga kuih karipap 30 sen dibeli dengan harga RM3.

Masalahnya ialah kelemahan itu bukanlah cerita baru. Kebanyakannya sudah ditegur dalam laporan tahun lalu. Contohnya ialah perbelanjaan melebihi peruntukan dan perbelanjaan tanpa peruntukan serta lemahnya kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset.

Bagi mengatasi kelemahan berkenaan, Ketua Audit Negara mencadangkan supaya pihak pengurusan memberi penyeliaan lebih rapi terhadap kakitangan terbabit dengan urusan kewangan dan memastikan latihan sewajarnya diberikan.

Datuk Seri Abdullah mengarahkan semua menteri yang kementeriannya menghadapi masalah berkenaan supaya memberikan penjelasan terperinci kepada mesyuarat Kabinet. Manakala ada pelbagai suara lain yang mahu supaya semua pihak yang melakukan kelemahan berkenaan dikenakan hukuman sewajarnya.

Semua itu perlu dilakukan, tetapi, ia tidak mencukupi. Sebenarnya, masanya sudah sampai, malah sudah hampir terlewat untuk sektor awam segera menggunakan sistem pengurusan perbelanjaan yang baru dan lebih baik yang mengandungi komponen e-perolehan dan e-bidaan. Semoga, bukan saja fiskal dapat diseimbangkan, wang rakyat dapat dijimatkan dan manfaat bajet dapat ditingkatkan.

Datuk Saifuddin Abdullah adalah Pengurus Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)

15 September 2007 (Sabtu)

Salah urus dana awam disiasat

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah memulakan siasatan berhubung kemungkinan berlaku salah urus dana awam oleh beberapa kementerian sebelum Tan Sri Ambrin Buang membentangkan Laporan Ketua Audit Negara 2006, di Parlimen, minggu lalu. Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said Hamdan, berkata siasatan itu dibuat selepas pihaknya memperhalusi salinan laporan itu yang diserahkan oleh Jabatan Audit Negara, sebelum ia dibentangkan bagi mengesan sebarang unsur rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.

"Siasatan sudah berjalan untuk beberapa ketika dan kita akan panggil pihak yang bertanggung jawab untuk memberi keterangan bagi melengkapkan kertas siasatan," katanya selepas majlis penutupan Kursus Persijilan Eksekutif Kanan Pengurusan Strategik Program Pencegahan Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Maca), di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai bila BPR akan memulakan siasatan berhubung salah urus dana awam membabitkan beberapa kementerian yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Ahmad Said menegaskan, siasatan BPR berhubung perkara itu akan dibuat secara telus dan tanpa pilih kasih dengan sesiapa saja yang bertanggungjawab mungkin dipanggil memberi keterangan atau dibawa ke muka pengadilan. "Siasatan BPR sentiasa mengutamakan ketelusan dan tindakan akan dikenakan terhadap pihak yang didapati bersalah tanpa mengira latar belakang mereka. Kami akan membawa sesiapa yang terbabit melakukan penyelewengan ke muka pengadilan, tanpa pilih kasih," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara 2006 antara lain mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan dalam menguruskan dana awam, termasuk berhubung pembelian pelbagai barang serta peralatan. Antaranya, pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan harga yang dilaporkan melebihi harga pasaran sehingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran. Turut didedahkan ialah tindakan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa dikemukakan ketika audit dibuat.

Ahmad Said berkata, langkah Jabatan Audit Negara menyerahkan kepada BPR salinan laporan audit itu sebelum ia dibentangkan di Parlimen, Jumaat lalu dipuji kerana ia membantu badan berkenaan melaksanakan tugas. Beliau berkata, sebagai badan yang bertanggungjawab memastikan sistem tadbir urus negara berjalan lancar tanpa dipengaruhi unsur negatif, pihaknya akan memastikan tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan daripada sistem sedia ada. Ditanya bila BPR mula mendapatkan salinan Laporan Audit berkenaan serta menjalankan siasatan, Ahmad Said enggan mengulas sebaliknya meminta media bertanyakan maklumat lanjut kepada Timbalan Ketua Pengarah I BPR, Datuk Abu Kassim Mohamed.

15 September 2007 (Sabtu)

SOP diubah elak masalah berulang

KUALA LUMPUR: Beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam sistem tadbir urus negara dijangka diubah berikutan isu salah urus dana awam termasuk pembelian peralatan serta pengurusan projek yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006, Jumaat lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Samad, berkata langkah itu perlu untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan supaya lebih telus dan bertanggungjawab. Berikutan itu, katanya, selain PAC, beliau percaya Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan, menteri berkenaan dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan bertemu Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai laporan itu.

"Memang akan ada perubahan prosedur, terutama untuk memastikan masalah sama tidak berulang dan dapat meningkatkan sistem tadbir urus kerana perlu diingat, laporan audit bukan muktamad, ia hanya peringkat pertama sebelum jawapan balas diberikan kementerian terbabit, diikuti tindakan lain pihak untuk memperbaiki sistem sedia ada.

"Bagaimanapun, tidak dinafikan ada prosedur sedia ada yang tidak dikuatkuasakan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Laporan Ketua Audit Negara yang dikemukakan di Parlimen itu mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan.

Ditanya sama ada PAC akan mengemukakan cadangan untuk mengubah SOP itu, Shahrir berkata, tindakan itu akan menyusul selepas meneliti laporan audit dan mengadakan pertemuan dengan Ambrin.

15 September 2007 (Sabtu)

Sistem bintang nilai kementerian, negeri

PUTRAJAYA: Jabatan Audit Negara akan memperkenalkan Indeks Akauntabiliti terhadap semua kementerian dan kerajaan negeri mulai tahun depan bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan masing-masing, selain sebagai perbandingan tahap pematuhan peraturan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata indeks penilaian menyeluruh yang membabitkan pemberian penarafan bintang itu, akan turut dijadikan faktor dalam pelantikan Ketua Setiausaha serta pegawai kanan kerajaan. Katanya, penilaian terhadap kementerian dan kerajaan negeri itu akan dilakukan setiap tahun, manakala bagi agensi kerajaan dan badan berkanun lain, ia dibuat mengikut giliran iaitu sekali dalam setiap tiga tahun.

"Pada akhir penilaian, mereka akan diberi markah. Berdasarkan markah itu mereka akan diberikan penarafan bintang. Itu adalah ukuran sejauh mana mereka mematuhi peraturan. Jika mereka mematuhi sehingga 90 peratus ke atas, mereka akan diberikan penarafan empat bintang. Jika pematuhan hanya 50 peratus atau ke bawah, mereka dapat satu bintang saja.

"Kita harap dengan instrumen ini, akan ada lebih ketelusan dalam menjawab pelbagai persoalan. Bila kita tengok empat bintang maksudnya mereka mematuhi peraturan. Bila hanya satu bintang maksudnya banyak perkara mesti dilakukan," katanya pada sidang media di sini semalam. Sidang media yang turut dihadiri wartawan asing itu diadakan bagi memenuhi permintaan untuk menemubual beliau berkaitan persoalan berbangkit selepas pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen, Jumaat lalu.

Antara lain, laporan audit itu mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta. Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set. Turut didedahkan ialah mengenai tindakan ketua setiausaha kementerian berkenaan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa dikemukakan ketika audit dibuat.

Ambrin yang diasak dengan pelbagai soalan sepanjang sidang media hampir sejam itu menegaskan, semua pihak patut menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat segala perkara meragukan yang didedahkan dalam laporan audit itu. Katanya, jabatannya hanya menjalankan tugas mengikut terma yang ditetapkan dan

pihak berkuasa bebas menyiasat perkara meragukan yang terkandung dalam laporan itu.

"Saya tidak membuat sebarang tuduhan... jika ada penyelewengan, kecuaian atau kelemahan biarlah mereka (BPR) yang uruskan. Bukan untuk saya menyatakan ia ada penyelewengan atau tidak," katanya. Mengenai penjelasan pihak tertentu yang seolah-olah mempertikaikan kandungan laporan audit itu, Ambrin berkata laporan itu dibuat berdasarkan bukti yang diperoleh. Malah, pihak yang diaudit diberi peluang untuk mengemukakan sebarang penjelasan atau bukti semasa siasatan.

"Kami memberi peluang mereka memperjelaskan perkara berbangkit. Jika penemuan dan pemerhatian kami tidak benar, mereka patut menjelaskannya menerusi proses itu. Tetapi dalam kes kali ini ada kementerian yang tidak kembali kepada kami untuk menjelaskannya," katanya.

Mengenai kes IKBN, Ambrin berkata Kementerian Kewangan memberi kebenaran kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk membeli peralatan itu secara rundingan terus dengan syarat harganya rendah. Malah, katanya, Kementerian Belia dan Sukan juga melantik juru runding bagi menguruskan perkara itu, termasuk menyemak harga pasaran bagi peralatan berkenaan dan persoalan yang perlu disiasat ialah jika mereka melakukan kajian harga.

17 September 2007 (Isnin)

PTPTN minta bantuan JPN sahkan data peminjam

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Nasional (PTPTN) akan meminta bantuan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi pengesahan maklumat ketika semakan semula maklumat kira-kira 26,000 peminjam tabung itu yang dikatakan warga asing. Ketua Eksekutifnya, Yunos Abdul Ghani, berkata semakan berkenan tetap dilakukan walaupun PTPTN sebelum ini menjelaskan kejadian itu itu berlaku ekoran kesilapan pemohon menandakan petak status kewarganegaraan.

"Kita akan mendapatkan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdasarkan butiran kad pengenalan atau MyKad pelajar berkenaan. "Selepas itu kita akan membuat laporan semula kepada Jabatan Audit Negara. Kita pasti pinjaman pendidikan PTPTN tidak diberi kepada pelajar warga asing," katanya ketika dihubungi semalam.

Baru-baru ini, media melaporkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan 2006 yang mendedahkan PTPTN meluluskan permohonan pinjaman pendidikan kepada kira-kira 26,000 pelajar warga asing. Ekoran itu, PTPTN dalam penjelasannya berkata, insiden berkenaan berikutan kesilapan pemohon yang terdiri rakyat Malaysia menandakan kotak yang salah ketika hendak mengesahkan status kewarganegaraan.

Ahad lalu, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, berkata kementerian itu akan menjalankan siasatan rapi terhadap dakwaan berkenaan bagi melihat kelemahan sistem yang digunakan PTPTN dalam proses memberi pinjaman.

Yunos berkata, sebelum ini iaitu ketika kaedah permohonan secara manual atau menggunakan borang, pemohon perlu menanda butir peribadi mengenai kewarganegaraan dengan menghitamkan petak yang disediakan. Katanya, ada yang silap menghitamkan petak berkenaan atau tidak menandakannya langsung hingga menyebabkan status kerakyatan mereka tidak jelas.

Beliau menegaskan, PTPTN meneliti borang serta melihat dokumen lain termasuk salinan kad pengenalan dalam memastikan hanya warga negara ini menerima pinjaman PTPTN.

"Cuma data itu tidak dikemas kini dan dimasukkan dalam sistem maklumat menyebabkan timbul anggapan pelajar yang menerima pinjaman itu bukan warga negara ini," katanya.

19 September 2007 (Rabu)

Jabatan Audit mahu SOP lemah dibaiki

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara akan mengesan kelemahan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu diperbaiki bagi menghasilkan laporan kewangan yang sempurna pada peringkat kementerian dan kerajaan negeri.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata penemuan dalam kajian dilaksanakan selepas selesai membentangkan Laporan Ketua Audit Negara 2006 itu akan turut mempertimbangkan beberapa perubahan pelaksanaan SOP.

"Kita akan senaraikan beberapa kelemahan dikesan, termasuk memastikan kesalahan berulang dan tindakan tidak mematuhi peraturan ditetapkan dalam kelulusan perbelanjaan dan draf penyata kewangan tidak berlaku," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Laporan audit yang dibentangkan 7 September lalu mendedahkan beberapa persoalan termasuk kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk pembelian 13 peralatan dan kelengkapan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set.

Turut didedahkan ialah tindakan ketua setiausaha kementerian berkenaan menandatangani 11 kontrak bernilai RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa dikemukakan ketika diaudit. Sebelum ini, Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Samad memaklumkan beberapa SOP dalam sistem tadbir urus negara dijangka diubah berikutan isu salah urus dana awam termasuk pembelian peralatan serta pengurusan projek yang dibentangkan dalam laporan audit.

Shahrir berkata, langkah itu perlu untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan supaya lebih telus dan bertanggungjawab. Ambrin berkata, pihaknya juga akan mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak untuk berbincang dan menjelaskan lebih terperinci beberapa isu dibangkitkan dalam laporan audit itu.

"PAC adalah antara pihak yang akan ditemui minggu depan," katanya. Beliau berkata, laporan audit tahun lalu lebih terperinci apabila pihaknya melaksanakan pendekatan baru dengan membezakan laporan penyata kewangan dengan aktiviti dan kajian khas jabatan atau agensi di peringkat negeri. Mengenai Indeks Akauntabiliti terhadap semua kementerian dan kerajaan negeri bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan, Ambrin berkata, pelaksanaannya akan diperkenalkan untuk laporan audit tahun ini.

19 September 2007 (Rabu)

BPR tak tutup siasatan agensi ada keraguan

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak akan menutup kertas siasatan terhadap mana-mana agensi yang menimbulkan keraguan dalam pengurusan dana awam seperti dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, baru-baru ini atas alasan ketidakcekapan pembelian.

Timbalan Ketua Pengarah I BPR, Datuk Abu Kassim Mohamed, berkata ketidakcekapan dan kelemahan aspek pemerolehan sesebuah agensi bukanlah alasan untuk BPR melepaskan agensi berkenaan daripada dipanggil memberi keterangan. Katanya, BPR akan membuat penyiasatan menyeluruh merangkumi pelbagai aspek berhubung dakwaan salah guna dana awam dalam pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan dana awam dibelanjakan dengan berhemat.

"Setakat ini, BPR sudah mula memanggil pegawai daripada beberapa agensi yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit untuk diambil keterangan," katanya ketika dihubungi, semalam tetapi tidak menyatakan identiti agensi berkenaan. Katanya, siasatan masih pada peringkat awal dan ia akan dilakukan secara menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi mengelakkan kekeliruan.

"Beri kami sedikit masa untuk menyelesaikan penyiasatan," katanya mengulas jawapan pelbagai agensi kerajaan kos pembelian tinggi bagi pelbagai barang disebabkan kelemahan pegawai pemerolehan dan hanya mengikut cadangan jururunding. Mengulas lanjut, Abu Kassim berkata, pihaknya mengakui bahawa kesilapan dan kecuaian bukanlah satu jenayah, tetapi siasatan akan tetap dibuat bagi memastikan sama ada ia benar-benar ketidakcekapan atau ada unsur lain di sebaliknya.

Laporan audit yang dikeluarkan pada 7 September lalu mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set.

21 September 2007 (Jumaat)

‘Usah politik isu sekolah agama’

SEREMBAN: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berharap tidak akan ada pihak yang cuba mempolitisirkan isu pendaftaran Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta langkah sama yang sedang diusahakan terhadap Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri ini.

Beliau berkata, tiada sebab untuk perkara itu dijadikan isu kerana langkah berkenaan adalah untuk manfaat pelajar serta memastikan SAN dan SAR mendapat segala kemudahan yang diperlukan dari segi kemudahan infrastruktur pembelajaran serta tenaga pengajar.

"Kita bukan serahkan sekolah itu kepada Kementerian Pelajaran, hanya mendaftarkannya sebagai SABK supaya keperluan kewangannya dan apa juga kemudahan dapat disalurkan dari Pusat Kerajaan negeri tidak mampu dari segi kewangan dan sekolah itu memang ada masalah dari segi perjawatannya.

"Lebih 50 peratus guru di SAN negeri ini adalah guru sementara. Jadi, kita putuskan mendaftarkan sekolah ini sebagai SABK kerana tidak mahu pelajar jadi mangsa apabila belajar di sekolah yang tak lengkap kemudahannya atau guru tak cukup," katanya selepas mesyuarat Exco negeri, di sini.

Berikutan itu, Mohamad berkata, kerajaan negeri membuat keputusan supaya 15 SAN di negeri ini didaftarkan sebagai SABK melalui memorandum persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pelajaran yang dimeterai di Kuala Lumpur, Selasa lalu. Katanya, kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Jheains) juga dalam proses perbincangan dengan pengurusan SAR di negeri ini supaya mengambil langkah sama mendaftar sekolah itu sebagai SABK.

"Kebanyakan SAR di Negeri Sembilan mengendalikan Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) dan diuruskan secara persendirian atau ada lembaga pengelola sendiri. Kita berpendapat elok untuk sekolah ini supaya turut didaftarkan sebagai SABK," katanya. Menteri Besar berkata, kekurangan yang dialami sekolah agama di negeri ini akibat kekangan kewangan di pihak kerajaan negeri turut dimasukkan dalam laporan yang dikeluarkan Jabatan Audit Negara, baru-baru ini.

Laporan itu menunjukkan sebahagian sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri berada dalam keadaan daif serta tidak mempunyai kelengkapan seperti makmal, dewan, bilik komputer dan kantin. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dilaporkan berkata, analisis terhadap 19 sekolah agama menunjukkan 13 sekolah tiada makmal sains, 14 sekolah tiada dewan, lapan tidak dilengkapi bilik komputer, tujuh tiada bengkel, manakala enam tidak mempunyai padang.

Menurut laporan itu, keseluruhan pengurusan sekolah agama kerajaan negeri adalah tidak memuaskan disebabkan kekurangan infrastruktur, kemudahan alat pembelajaran tidak lengkap, masalah peruntukan kewangan serta kekurangan guru pelatih.

24 Sept. 2007 (Isnin)

Sentral: 'Usah politik isu sekolah agama'

Pendaftaran sebagai SABK permudah bantuan kewangan daripada Pusat

SEREMBAN: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berharap tidak akan ada pihak yang cuba mempolitikkan isu pendaftaran Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta langkah sama yang sedang diusahakan terhadap Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri ini.

Beliau berkata, tiada sebab untuk perkara itu dijadikan isu kerana langkah berkenaan adalah untuk manfaat pelajar serta memastikan SAN dan SAR mendapat segala kemudahan yang diperlukan dari segi kemudahan infrastruktur pembelajaran serta tenaga pengajar.

"Kita bukan serahkan sekolah itu kepada Kementerian Pelajaran, hanya mendaftarkannya sebagai SABK supaya keperluan kewangannya dan apa juga kemudahan dapat disalurkan dari Pusat. Kerajaan negeri tidak mampu dari segi kewangan dan sekolah itu memang ada masalah dari segi perjawatannya. "Lebih 50 peratus guru di SAN negeri ini adalah guru sementara. Jadi, kita putuskan mendaftarkan sekolah ini sebagai SABK kerana tidak mahu pelajar jadi mangsa apabila belajar di sekolah yang tak lengkap kemudahannya atau guru tak cukup," katanya selepas mesyuarat Exco negeri, di sini.

Berikutan itu, Mohamad berkata, kerajaan negeri membuat keputusan supaya 15 SAN di negeri ini didaftarkan sebagai SABK melalui memorandum persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pelajaran yang dimeterai di Kuala Lumpur, Selasa lalu. Katanya, kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Jheains) juga dalam proses perbincangan dengan pengurusan SAR di negeri ini supaya mengambil langkah sama mendaftar sekolah itu sebagai SABK.

"Kebanyakan SAR di Negeri Sembilan mengendalikan Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) dan diuruskan secara persendirian atau ada lembaga pengelola sendiri. Kita berpendapat elok untuk sekolah ini supaya turut didaftarkan sebagai SABK," katanya.

Menteri Besar berkata, kekurangan yang dialami sekolah agama di negeri ini akibat kekangan kewangan di pihak kerajaan negeri turut dimasukkan dalam laporan yang dikeluarkan Jabatan Audit Negara, baru-baru ini. Laporan itu menunjukkan sebahagian sekolah agama di bawah pentadbiran kerajaan negeri berada dalam keadaan daif serta tidak mempunyai kelengkapan seperti makmal, dewan, bilik komputer dan kantin.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dilaporkan berkata, analisis terhadap 19 sekolah agama menunjukkan 13 sekolah tiada makmal sains, 14 sekolah tiada dewan, lapan tidak dilengkapi bilik komputer, tujuh tiada bengkel, manakala enam tidak mempunyai padang. Menurut laporan itu, keseluruhan pengurusan sekolah agama kerajaan negeri adalah tidak memuaskan disebabkan kekurangan infrastruktur, kemudahan alat pembelajaran tidak lengkap, masalah peruntukan kewangan serta kekurangan guru pelatih.

24 Sept. 2007 (Isnin)

Selatan: Hutang selesai dua tahun

Tunggakan babitkan pinjaman projek bekalan air dipindah kepada syarikat Kerajaan Persekutuan

MUAR: Jumlah hutang tertunggak kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat dijangka dapat diselesaikan dalam dua tahun selepas aset dan liabiliti SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJ) dipindahkan kepada syarikat milik Kerajaan Persekutuan. Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata sebahagian besar bebanan hutang kerajaan negeri membabitkan pinjaman bagi pelaksanaan projek pembekalan air luar bandar. Katanya, daripada hutang kerajaan Johor yang berjumlah RM655 juta, kira-kira 92.68 peratus membabitkan projek bekalan air dan Johor Corporatian (JCorp) serta pembinaan rumah kos rendah.

"Sebenarnya hutang kerajaan Johor tidak banyak kerana sebahagian besar membabitkan pinjaman membabitkan bekalan air luar bandar dan pembinaan loji," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Bilik Gerakan Pejabat Daerah, di sini, kelmarin. Minggu lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan hutang tertunggak kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat meningkat RM290.86 juta atau 10.9 peratus kepada RM2.96 bilion hingga akhir tahun lalu. Sebanyak 90 peratus tunggakan berkenaan disebabkan kegagalan enam kerajaan negeri membayarnya dengan 90.5 peratus atau RM2.68 bilion adalah tunggakan pinjaman Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu.

Abdul Ghani berkata, bagi mengatasi hutang itu, pihaknya sudah mencapai persetujuan untuk melaksanakan langkah tindakan untuk memindahkan bidang bekalan air kepada syarikat pengurusan air di bawah Kerajaan Pusat, sekali gus menjadikan hutang berkenaan tidak lagi terletak di bawah kerajaan negeri. Katanya, melalui langkah itu, semua aset dan liabiliti SAJ akan dipindahkan kepada syarikat milik Kerajaan Persekutuan. "Proses itu dijangka selesai dalam dua tahun dan selepas itu dengan sendirinya pinjaman tertunggak itu akan berpindah kepada syarikat Kerajaan Persekutuan," katanya. Beliau berkata, antara hutang SAJ termasuk kira-kira RM300 juta yang digunakan untuk membina loji baru dalam usaha untuk mengelak negeri itu terus bergantung kepada Singapura untuk membekalkan air bersih.

Abdul Ghani berkata, masalah tunggakan hutang itu juga berlaku apabila kerajaan negeri tidak menerima geran Kerajaan Persekutuan sejak 12 tahun lalu selepas penswastaan air dilaksanakan. Katanya, berbeza dengan kerajaan negeri lain yang masih menerima geran untuk bekalan air, kerajaan Johor kehilangan geran yang dianggarkan berjumlah RM1 bilion selama kira-kira 12 tahun. "Kita kehilangan geran yang dibuat ketika keputusan penswastaan air dijalankan walaupun sebenarnya kita berhak mendapatkannya. "Sehubungan itu kerajaan negeri sudah membangkitkan perkara itu dan kerajaan negeri pada umumnya mengiktiraf bahawa perkara itu sepatutnya tidak berlaku kerana kita sepatutnya menerima geran berkenaan," katanya. Mengenai pinjaman JCorp, Abdul Ghani berkata, hutang berjumlah RM83 juta yang dibuat ketika syarikat itu mengalami krisis kewangan pada 1997 akan diselesaikan sendiri oleh syarikat berkenaan yang sudah pulih.

24 Sept. 2007 (Isnin)

Jabatan Audit mahu SOP lemah dibaiki

Kelemahan akan disenarai elak salah urus dana awam

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara akan mengesahkan kelemahan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu diperbaiki bagi menghasilkan laporan kewangan yang sempurna pada peringkat kementerian dan kerajaan negeri. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata penemuan dalam kajian dilaksanakan selepas selesai membentangkan Laporan Ketua Audit Negara 2006 itu akan turut mempertimbangkan beberapa perubahan pelaksanaan SOP.

"Kita akan senaraikan beberapa kelemahan dikesan, termasuk memastikan kesalahan berulang dan tindakan tidak mematuhi peraturan ditetapkan dalam kelulusan perbelanjaan dan draf penyata kewangan tidak berlaku," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Laporan audit yang dibentangkan 7 September lalu mendedahkan beberapa persoalan termasuk kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk pembelian 13 peralatan dan kelengkapan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran sehingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set. Turut didedahkan ialah tindakan ketua setiausaha kementerian berkenaan menandatangani 11 kontrak bernilai RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa dikemukakan ketika diaudit.

Sebelum ini, Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Samad memaklumkan beberapa SOP dalam sistem tadbir urus negara dijangka diubah berikutan isu salah urus dana awam termasuk pembelian peralatan serta pengurusan projek yang dibentangkan dalam laporan audit. Shahrir berkata, langkah itu perlu untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan supaya lebih telus dan bertanggungjawab. Ambrin berkata, pihaknya juga akan mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak untuk berbincang dan menjelaskan lebih terperinci beberapa isu dibangkitkan dalam laporan audit itu.

"PAC adalah antara pihak yang akan ditemui minggu depan," katanya. Beliau berkata, laporan audit tahun lalu lebih terperinci apabila pihaknya melaksanakan pendekatan baru dengan membezakan laporan penyata kewangan dengan aktiviti dan kajian khas jabatan atau agensi di peringkat negeri.

Mengenai Indeks Akauntabiliti terhadap semua kementerian dan kerajaan negeri bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan, Ambrin berkata, pelaksanaannya akan diperkenalkan untuk laporan audit tahun ini.

27 September 2007 (Khamis)

Hukum pegawai cuai urus dana awam: PAC

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu tindakan diambil terhadap pegawai kementerian dan jabatan yang gagal mematuhi peraturan berkaitan pengurusan dana awam seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Pengerusinya, Datuk Shahrir Samad, berkata tindakan berbentuk pencegahan juga perlu bagi mengurang dan mengelakkan kesilapan sama berulang.

Katanya, PAC juga sependapat dengan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, bahawa peranan audit dalaman di setiap kementerian perlu ditingkatkan berikutan sistem audit dalaman agensi kerajaan tidak kukuh.

"Kita harus mencari jalan bagaimana dapat diambil tindakan atau disyorkan kepada kerajaan supaya tindakan undang-undang dikenakan kepada mereka yang melakukan perbuatan itu (salah urus dana). Mesti ada tindakan berbentuk hukuman dan pencegahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen di sini semalam. Pada mesyuarat itu, Jabatan Audit Negara yang diketuai Ambrin memberi penerangan mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2006.

Laporan audit itu yang dibentangkan 7 September lalu mendedahkan beberapa persoalan termasuk kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk pembelian 13 peralatan dan kelengkapan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran hingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.